

# **RESOLUSI MUZAKARAH PENGKURSUS IBADAT HAJI BAGI MUSIM HAJI TAHUN 1440H / 2019M KALI KE-28**

**25 JAMADILAKHIR 1440H BERSAMAAN 02 MAC 2019M**

**TEMPAT: DEWAN MULTAQAH**

## 1. KERTAS KERJA PERDANA

### **“MENGGAPAI DARJAT HAJI MABRUR: CABARAN MENJAGA DAN MENGEKALKANNYA”**

- ***Haji Mabrur***

Di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah. Nabi saw bersabda:

“ Haji Mabrur tidak ada ganjaran baginya melainkan syurga ” [Riwayat Ahmad (7348) di dalam musnad].

Mabrur membawa maksud diberi ganjaran. Juga membawa maksud tidak bercampur dengan sesuatu daripada dosa.

- ***TANDA-TANDA HAJI MABRUR***

Antara tanda-tanda Haji Mabrur ialah:

- a) Perubahan iman seperti tidak berbuat maksiat selepas haji.
- b) Suka menjamu makan.
- c) Suka memberi salam.
- d) Bual bicaranya penuh kebaikan.

- ***AMALAN SELEPAS MENUNAIKAN HAJI***
  - a) Memperbanyakkan zikrullah.
  - b) Memperbanyakkan doa.
  - c) Sentiasa pergi ke masjid dan bersembahyang jemaah.
  - d) Menjadi agen perubah.
  - e) Meinfaq dan mewaqaf sedikit dari hartanya.
  - f) Membina keluarga bahagia.

## 2. KERTAS KERJA 1

### **“BEBERAPA ISU HUKUM DALAM PELAKSANAAN IBADAT HAJI - TAWAF WADA’, SUJUD TILAWAH DAN DOA QUNUT”**

- ***HUKUM TAWAF WADA’***

Hukum Tawaf Wada’ adalah wajib ke atas orang yang hendak meninggalkan Makkah menuju ke satu tempat yang membolehkan menqasar sembahyang kecuali:

- a) Perempuan yang haidh dan nifas.
- b) Perempuan yang beristihadhah pada ketika giliran haidhnya.

- c) Orang yang mengalami luka yang mengalir yang boleh mengotori masjid.
- d) Orang yang tidak terdapat air atau tanah untuk mengangkat hadas besar.
- e) Orang yang salasul baul (sentiasa keluar air kencing) atau seumpamanya.
- f) Orang yang takut jika mengerjakan tawaf wada' akan dizalimi, diminta hutang ketika dia susah.
- g) Budak kecil yang belum mukallaf dan orang yang lemah badannya.
- h) Orang yang takut akan tertinggal oleh temannya atau rombongannya jika dia melakukan tawaf wada'.
- i) Orang yang takut akan dirinya, barangnya dan hartanya akan binasa jika mengerjakan tawaf wada'.

- ***KEUZURAN-KEUZURAN YANG DIHARUSKAN SYARA' SELEPAS SELESAI TAWAF WADA':***
  - Mengerjakan sembahyang sunat tawaf dua rakaat, berdoa di multazam, meminum air zam-zam.
  - Menguruskan keperluan untuk perjalanan (musafir).
  - Kembali semula ke tempat penginapan untuk mengambil barang-barang yang perlu dijaga keselamatannya.
  - Sembahyang berjemaah kebetulan pada ketika itu ia telah selesai melakukan tawaf wada' sembahyang berjemaah didirikan.
  - Jika ada keuzuran seperti pengsan, sedang menunggu perkumpulan, tertegah daripada keluar Makkah atau terancam terhadap keselamatan hartanya.

- ***PERKARA YANG MENYEBABKAN TAWAF WADA' PERLU DIULANG:***

- Dia masih tetap menunggu atau diam di Makkah dengan tiada keuzuran atau tidak ada keperluan atau hajat.
- Dia masih tetap menunggu atau diam di Makkah kerana lupa atau jahil tentang hukum tawaf wada'.
- Dia masih tetap menunggu atau diam di Makkah kerana ada hajat yang tidak ada kaitan dengan pelayaran atau perjalanan yang bakal ditempuhinya.

- **BAGAIMANA KEDUDUKAN PERKARA BERIKUT SELEPAS SELESAI MENGERJAKAN TAWAF WIDA':**

- a) Berehat-rehat di bilik penginapan selepas selesai mengerjakan tawaf wada' bukan kerana ada hajat ataupun keuzuran yang berkaitan dengan urusan pelayaran adalah bertentangan dengan suruhan besegera keluar dari Makkah, *maka dia dikehendaki mengulang tawaf wada'*.
- b) Jika seseorang itu selepas selesai mengerjakan tawaf wada' menunggu di lobi hotel berehat di kerusi lalu tertidur kerana menunggu kenderaan atau selesai urusan-urusan pelayaran *maka tidak dimestikan ke atasnya mengulangi tawaf wada'*.

- c) Jika seseorang itu mengambil gambar sehingga menyebabkan melengahkannya keluar dari kota Makkah atau menyebabkan dia tertahan daripada keluar untuk menuju ke tempat penginapan bagi urusan perjalanan balik *maka wajib ke atasnya mengulang semula tawaf wada'nya*.
- d) Jika seseorang itu mengambil gambar ketika sedang berhimpun bagi menunggu-nunggu kenderaan atau sudah berada di dalam bas untuk keluar Makkah, *dia tidak perlu mengulang semula tawaf wada'nya*.
- e) Bagi Jemaah yang hendak melakukan sembahyang sunat selain sunat tawaf *adalah lebih sesuai memperanyakkan melakukannya sebelum melaksakan tawaf wada'*.

- **SUJUD TILAWAH**

Hukum Sujud Tilawah adalah sunat mengikut pendapat jumhur ulama.

*Syarat-syarat sujud Tilawah adalah:*

- a) Suci daripada hadas (kecil dan besar) dan bersih daripada najis pada badan, pakaian dan tempat.
- b) Menutup aurat.
- c) Menghadap kiblat.
- d) Masuk waktunya iaitu selesai membaca atau mendengar keseluruhan ayat sajdah.

***Waktu Sunat melakukan sujud tilawah:***

***1. Diluar Sembahyang***

Sunat dilakukan di luar waktu makruh menunaikan sembahyang.

***2. Dalam Sembahyang***

- i. Pada Sembahyang Fardhu Subuh
- ii. Bukan semata-mata bertujuan (qasad) untuk melakukan sujud.

## ***Sujud tilawah bagi makmum dalam sembahyang:***

### ***i. Jika imam bersujud***

Wajib ke atas makmum bersujud mengikut perbuatan imam.

### ***ii. Jika imam tidak bersujud***

- Makmum tidak dikehendaki untuk melakukan sujud tilawah
- Sunat ke atas makmum melakukan sujud tilawah selepas selesai salam dengan syarat jarak di antara sujud dan salam tidak lama.

### ***iii. Jika makmum tidak mengetahui bahawa imam telah melakukan sujud tilawah***

Tidak batal sembahyang makmum dan dimaafkan.

## ***Cara melaksanakan sujud tilawah diluar waktu sembahyang:***

- 1) Wajib berniat sujud tilawah
- 2) Wajib mengangkat takbir iftitah disamping berniat dalam hati
- 3) Wajib disudahi dengan salam.

***Menurut Imam Al-Qalyubiy, Sujud tilawah boleh diganti dengan zikir berikut:***

”سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ ”

(Dibaca sebanyak 4 kali)

- ***DOA QUNUT***

Hukum Doa Qunut dalam sembahyang adalah sunat mu'akkadah dan jika seseorang itu tertinggal atau meninggalkannya disunatkan ke atasnya untuk melaksanakan sujud sahwī pada dua sembahyang iaitu:

- a) Sembahyang Fardhu Subuh.
- b) Sembahyang Sunat Witir pada separuh kedua bulan Ramadhan.

- ***MAKMUM YANG BERMAZHAB SYAFI'E MENGERJAKAN SEMBAHYANG SUBUH BERIMAMKAN IMAM BERMAZHAB HANAFI ATAU HANBALI***
  - a) Disunatkan ke atasnya membaca doa Qunut jika dia sempat melakukan sujud bersama imam pada sujud pertama.
  - b) Hendaklah dia mengikut apa yang dilakukan oleh imam.
  - c) Disunatkan baginya melakukan sujud sahwı selepas imam memberi salam, sebelum makmum memberi salam.

### **3. KERTAS KERJA 2**

## **“MANASIK HAJI WANITA: IHRAM DAN TALBIAH”**

- ***IHRAM***

Orang yang berihram bermakna telah mengharamkan diri dari setiap perkara yang sebelumnya dihalalkan baginya, seperti berkahwin, bersetubuh, memakai wangian dan sebagainya.

- ***ADAB-ADAB IHRAM***
  - i. Hendaklah mandi sebelum ihram, termasuk juga wanita dalam haidh, nifas dan kanak-kanak.
  - ii. Sunat membersihkan diri, mencukur bulu ari-ari, mencabut bulu ketiak, menggunting misai, memotong kuku dan seumpamanya.
  - iii. Membasuh kepala dengan air campuran daun bidara atau seumpamanya.
  - iv. Menanggalkan pakaian yang diharamkan.

- v. Melakukan solat sunat ihram dua raka'at.
- vi. Waktu yang lebih afdal berihram bagi Imam Syafi'e:
  - a) Selepas solat dalam keadaan duduk.
  - b) Apabila mula perjalanan dalam keadaan menaiki kenderaan dan berjalan.
- vii. Sunat mengadap qiblat.

- **MENYEDIAKAN PAKAIAN IHRAM**

- Pakaian ihram wanita disarankan baru dan tidak disyariatkan mempunyai warna tertentu, boleh memilih warna apa saja yang disukai. Walau bagaimanapun, warna putih lebih diutamakan dan lebih sesuai digunakan untuk ihram.
- Wanita yang haidh atau nifas tetap boleh melakukan ihram. Oleh yang demikian, seluruh rangkaian manasik haji yang dilakukannya tetap sah kecuali tawaf.
- Adapun ihram bagi wanita yang mengalami istihadahah (keluarnya darah secara terus menerus; darah penyakit) ihramnya sama seperti wanita biasa yang sihat. Oleh yang demikian sebelum berniat ihram, dia hendaklah mandi, kemudian solat dan segera melakukan ihram. Di samping itu hendaklah berwudhu terlebih dahulu sebelum melakukan setiap manasik haji atau umrah.

- **TALBIYAH**

- Ucapan yang dilafazkan sebagai tanda menjawab panggilan Allah Subhanahu Wata'ala yang memanggil hamba-Nya dengan perantaraan Nabi Ibrahim Alaihissalam untuk berhaji.
- Melafazkan kalimat talbiyah secara berterusan amat digalakkan dan disunnahkan semasa dalam keadaan ihram.
- Mengucapkan kalimat Talbiyah adalah dimulakan setelah seseorang berniat ihram sehingga melontar jamrah Aqabah pada hari Nahar.

- Bagi kaum lelaki talbiyah dibaca dengan mengeraskan suara dengan syarat tidak mengganggu orang yang solat sementara kaum wanita tidak digalakkan meninggikan suaranya memadai sahaja dia mendengarnya. Jika dia meninggikan suaranya hukumnya makruh dan tidak haram.
- Talbiyah mempunyai keutamaan yang agung seperti dapat menghapuskan kesalahan dan dosa, membawa keampunan dan orang yang mengucapkannya akan dibalas dengan syurga.